

Persatuan Kanan Kastam Turun Padang Bila-bila Masa Demi CBP

Bernama

Jun 5, 2014

PUTRAJAYA, 5 Jun (Bernama) -- Persatuan Pegawai Kanan Kastam yang anggotanya terdiri daripada pegawai kanan kastam termasuk pegawai Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP), bersedia untuk turun padang pada bila-bila masa bagi memberi penerangan mengenai sistem percukaian tersebut.

Presidennya Mohd Noor Yusoff berkata setakat ini hampir setiap hari hujung minggu, persatuan yang dianggotai kira-kira 3,000 anggota itu dijemput untuk memberi penerangan mengenai CBP.

"Antara pihak yang memanggil untuk diberikan penerangan mengenai CBP adalah badan bukan kerajaan, kerajaan negeri, komuniti perniagaan serta institut pengajian tinggi.

"Kita juga dipanggil ke masjid-masjid serta lain-lain tempat terbuka untuk memberikan penerangan kepada orang awam dan nampaknya mereka dapat memahami dan menerima dengan baik," katanya ketika dihubungi Bernama di sini Khamis.

Beliau berkata penerangan di peringkat negeri dilakukan pegawai CBP yang terdapat di setiap cawangan, selain terdapat juga pegawai yang pakar dalam sesuatu bidang dari Ibu Pejabat Kastam Putrajaya.

Mohd Noor berkata pegawai pakar disediakan untuk komuniti perniagaan dan dibahagikan mengikut sektor perniagaan tersebut seperti automatif, insurans serta banyak lagi.

Beliau berkata sesi penerangan berhubung pelaksanaan sistem percukaian tersebut telah giat dilakukan sejak ia diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa membentangkan Bajet 2014, Oktober tahun lepas.

Cukai tunggal CBP pada kadar 6 peratus akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada yang berkadar keseluruhan 16 peratus. CBP akan dikuatkuasakan pada 1 April, 2015.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1043975>